

Karangan Naratif 9

Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan suatu kejutan yang meninggalkan kenangan manis.

Introduction

- Conflict
- Short Dialog
- Suspense Elements

“Kau harus cepat-cepat lihat pesakit ini! Aku yakin dia lah yang selama ini engkau cari! [PERSON]”

“Sudah lah. Orang yang aku cari sudah pun mati. Engkau sendiri lihat petikan akhbar itu bersama aku dahulu. [INCIDENT] Engkau sudah lupa?”

“Tapi Ain . . . Segala perkara mengenai pesakit ini tidak mungkin diada-adakan, lebih-lebih lagi tanda besar yang engkau beritahu aku dahulu. [OBJECT]”

Marissa berhenti daripada menolak troli yang penuh diisi dengan fail para pesakit. Seakan-akan tidak percaya dia apa yang didengarnya.

“Dia sakit apa?”

“Barah paru-paru tahap akhir. Doktor kata dia tidak ada lebih daripada sebulan untuk hidup.”

Marissa terpaku; kelu lidahnya untuk mengeluarkan kata-kata.

Kali terakhir Mahmud melihat cahaya matanya adalah lewat gambar yang dikirim oleh bekas isterinya melalui pos. Wanita yang dikenalnya sejak di bangku sekolah itu hampir-hampir tidak mampu dikahwininya jika tidak kerana cintanya yang mendalam terhadap Mahmud. Dari awal lagi ikatan pertunangan mereka diselaputi dengan penuh ranjau dan dugaan yang datangnya daripada bakal ibu mertuanya. Hantaran serba satu sebanyak dua puluh lima ribu dollar diminta dengan majlis kahwin seramai lima ribu orang harus dijemput. Pernikahan bakal dilangsungkan dalam masa setahun. Kalau tidak dapat penuhi syarat-syarat yang diberikan, pertunangan akan dibatalkan ugut bakal ibu mertuanya.

[Action 1] Mahmud cecal dengan permintaannya. Walaupun dinasihati oleh ibunya untuk mencari wanita lain sebagai isteri, Mahmud menjadikan syarat-syarat tersebut sebagai cabaran. Namun, jauh di lubuk hatinya rasa kecewanya terhadap bakal ibu mertuanya itu berbekas dalam. Dia sedih kerana ibu mertuanya memandangnya rendah, tidak berkemampuan untuk membahagiakan anaknya yang berkelulusan universiti sedangkan dia hanya berbekal sijil teknikal. [Action 2] Dia mengarang segala baki kesabarannya yang ada setiap kali mendengar daripada mulut orang bahawa bakal ibu mertuanya itu sebenarnya malu bermenantukannya. Jika tidak kerana kasih dan sayang anaknya yang tebal terhadap Mahmud, mahu sahaja dia menghalau keluar wakil Mahmud yang datang untuk

The Main

Developing Mahmud

- Action